

BAB SATU

PENGENALAN.

Pendidikan adalah satu institusi yang amat penting dalam penyambungan, penerusan dan survival mana-mana masyarakat. Institusi ini digunakan sebagai alat oleh sesebuah negara dengan matlamat yang berbagai-bagai. Kepada pemerintah dan perancang, pendidikan adalah sebuah institusi yang antara lain menyediakan guna tenaga kepada negara. Manakala kepada ahli-ahli sosiologi dan antropologi, pendidikan pada umumnya adalah institusi "pemasyarakatan" supaya penduduk sesebuah negara itu menganut, memahami, menghayati nilai-nilai serta norma masyarakatnya.

Setengah pendidik melihat pendidikan sebagai sebagai satu institusi yang menggerakkan pertumbuhan secara menyeluruh ke tahap maksimum seseorang individu, sesuai dengan keupayaan semula jadi yang ada pada diri individu itu masing-masing. Manakala ahli-ahli agama pula melihat pendidikan sebagai institusi yang akhirnya akan melahirkan manusia yang beragama dan beriman.

Setengah-setengah masyarakat menganggap pendidikan sebagai satu pengaruh dari pihak yang matang ke atas pihak yang kurang matang sehingga dapat menyuburkan sebarang kemungkinan yang ada pada pihak yang kurang matang itu menjadi satu kenyataan.

Penyuburan itu seharusnya membawa kebaikan sehingga ia dapat diterima sebagai ahli masyarakat. Aspek-aspek penyuburan meliputi bidang kognitif, afektif dan psikomotor yang boleh dijalankan secara formal dan tidak formal, secara individu atau kumpulan, menggunakan alat atau tanpa menggunakan alat.

Dari kacamata setengah ahli psikologi, pendidikan bererti "perubahan" atau "change". Ia boleh dianggap sebagai proses atau hasil. Pendidikan dengan erti kata proses termasuklah aktiviti yang menyesuaikan individu dengan kehidupan sosial yang memindahkan adat, undang-undang, kepercayaan agama, bahasa dan institusi kemasyarakatan daripada satu generasi ke satu generasi yang berikutnya. Hasil pula makna perubahan yang berlaku akibat daripada penyertaan individu dalam pengalaman pembelajaran. (Monly George J., 1968:4).

Walau apa pun kefahaman dan penafsiran diberi kepada pendidikan, pengkaji berpendapat "pendidikan" adalah satu proses menanam dan memupuk keinsafan di kalangan rakyat sesebuah negara. Melalui proses ini, latihan aqliyah, jasmaniah dan rohaniah dapat diterapkan dengan sempurna. Hasilnya ialah kelahiran manusia yang berbudaya tinggi dan sanggup menjalani hidup sebagai hamba Allah dengan penuh tanggung jawab, serta menjadi warga negara yang

seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani seperti yang tersurat dan tersirat di dalam falsafah Pendidikan Negara (FPN). (Mohd Salleh Lebar, 1992:168-172).

Untuk mencapai matlamat pendidikan yang telah ditentukan itu, dan juga matlamat pendidikan negara, terdapat beberapa prasyarat, antaranya mengenal pasti kandungan kemahiran, nilai yang berguna kepada masyarakat masa kini, peranan guru sebagai pendidik, pembimbing dan penyampai maklumat dan kemahiran kepada murid, dan juga suasana persekitaran yang membantu penghayatan, amalan ilmu dan kemahiran yang diterima daripada guru di sekolah.

Sebahagian daripada perkara yang telah disebutkan itu merupakan persoalan kurikulum. Kurikulum itu sendiri merupakan pola penting yang mencerminkan falsafah, kebudayaan dan matlamat yang hendak dicapai. Oleh itu penggubalan kurikulum selalunya diasaskan kepada tiga kepentingan tertentu iaitu:

1. Perkara yang penting dalam kurikulum ialah nilai dan kemahiran serta norma yang hendak disampaikan kepada murid dengan berpandu kepada matlamat yang tertentu.
2. Seperti yang difahami, pendidikan adalah satu kegiatan yang berfaedah yang mendorong perkembangan individu ke arah yang sempurna. Dari itu di dalam

perancangan pendidikan (kurikulum), sesuatu nilai norma sangat-sangat diperlukan. Nilai norma ini selalunya berkait rapat dengan tujuan pendidikan. Sekiranya pendidikan sesebuah negara diberikan dengan tujuan pertumbuhan manusia yang seimbang dari segi rohani, intelek, maka pendidikan hendaklah menyediakan pertumbuhan manusia dalam semua aspek sama ada rohani, intelek, emosi mahu pun jasmani. Kerana semua aspek ini boleh mendorong seseorang ke arah peningkatan dan pencapaian kesempurnaan.

3. Kesempurnaan kurikulum belum cukup untuk menjamin pencapaian matlamat pendidikan sesebuah negara tanpa kesempurnaan peranan guru dalam pengajaran dan pembelajaran, kerana guru adalah golongan yang melaksanakan kurikulum di peringkat sekolah. Prestasi pengajaran guru mempunyai perkaitan dengan pencapaian matlamat pendidikan negara. Sebagai orang yang sangat dihajati oleh masyarakat, maka guru perlu mengetahui asas-asas pengetahuan yang luas serta kemahiran yang tinggi, terutamanya dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan masalah pengajaran dan pembelajaran (Zawawi Haji Ahmad, 1981).

Kita dapati guru yang "berkesan" ialah guru yang mempunyai sahsiah yang tinggi, latar belakang pengetahuan yang luas serta mahir menyampaikan ilmu yang dimilikinya kepada murid di dalam bilik darjah. Oleh itu, bakal guru dipilih berdasarkan kelayakan "luarannya" yang dianggap sesuai sebagai seorang guru. Selepas itu mereka diberi latihan mengenai ilmu pendidikan dalam jangka waktu yang tertentu. Setelah tempoh latihan itu tamat barulah dibenarkan bertugas di sekolah-sekolah sebagai guru, dan barulah layak diberi gelaran sebagai golongan yang mempunyai kemahiran untuk mengajar, mendidik dan membimbing murid di sekolah.

Pada hakikatnya, keberkesanan pengajaran merupakan asas penting bagi mencapai matlamat pendidikan negara. Keberkesanan pengajaran pula terletak kepada keupayaan guru membina suasana riang dalam bilik darjah. Oleh itu guru haruslah membina iklim pembelajaran yang sesuai dengan keadaan murid. Ini bermakna tugas guru bukan sahaja menyampaikan maklumat dan fakta sahaja, malah bertanggung jawab menentukan sama ada kefahaman yang telah dibina itu dapat dijemakan oleh murid melalui penghayatan berdasarkan ilmu yang disampaikan. Untuk mencapai matlamat ini, guru perlu memiliki kemahiran serta ilmu pendidikan, kerana kemahiran dalam

ilmu pendidikan dapat membantu guru mewujudkan keadaan-keadaan yang disebutkan tadi.

Kesimpulannya , guru yang berwibawa, yang berilmu, yang mempunyai sifat serta sahsiah yang baik, yang mampu menggunakan strategi pengajaran yang berkesan, adalah punca utama yang membantu pencapaian matlamat pendidikan negara yang diinginkan.

Matlamat dan tujuan pendidikan di Malaysia menurut Falsafah Pendidikan Negara (FPN) ialah untuk melahirkan warga negara yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Sementara prinsip dan nilai yang terkandung di dalam Falsafah Pendidikan Negara ialah pendidikan seumur hidup, pendidikan sepadu, perkembangan potensi yang menyeluruh dan seimbang, pembinaan budaya ilmu, pembinaan kemahiran dan ketrampilan, penerapan akhlak dan nilai-nilai positif, pemupukan peranaan tanggung jawab dan pembentukan rakyat yang produktif. Falsafah ini selaras dengan falsafah dan matlamat Pendidikan Islam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM):

"Pendidikan Islam adalah satu usaha yang yang berterusan untuk menyampaikan ilmu kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan Al Quran dan As Sunnah, bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangunkan diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan di akhirat."

(Sumber; BPI, Kementerian Pendidikan Malaysia ; Reformasi Pendidikan Islam di Sekolah dan Peranan guru-Guru. h.2.)

Antara lain tujuan dan maksud Pendidikan Islam ialah;

- i) Melahirkan ahli bijak pandai yang dapat memahami dan mendalami pengetahuan ajaran Islam.
- ii) Memupuk semangat mereka supaya dapat bertanggung jawab dan meninggikan syiar Islam.
- iii) Berusaha untuk menyiarkan ilmu pengetahuan dan ajaran Islam sebagai pendakwah yang berkelibar.
- iv) Melayakan diri untuk menjadi pemimpin masyarakat ke arah kebahagiaan dunia dan akhirat dengan pemikiran dan pandangan luar dari kaca mata Islam serta menunjukkan teladan yang praktikal.
- v) Membentuk keperibadian Islam yang luhur.

(Mohd Ghazali Abd.Wahid:1993:172)

Ringkasnya skop Pendidikan Islam bermatlamat dan bertujuan untuk melahirkan manusia yang salih iaitu manusia yang beriman, berilmu dan beramal untuk memperjuangkan kebenaran dan kebaikan supaya dengan itu dapat melahirkan kebahagiaan hidup bagi dirinya dan masyarakatnya menuju kepada keredhaan Allah s.w.t (Faisal Othman:1993:32).

Berdasarkan kepada matlamat yang terkandung di dalam Falsafah Pendidikan Islam, mata pelajaran Tilawah Al Quran dan

Asas 'Ulum as Syar'iyah telah dijadikan sebagai salah satu mata pelajaran yang penting (teras) di dalam sistem pendidikan Malaysia. Mata pelajaran ini mampu untuk memberi pendidikan nilai, norma yang boleh membentuk individu berketrampilan serta berakhlak yang mulia. Untuk mencapai hasrat murni ini, peranan guru agama amat penting di dalam pendidikan di sekolah. Peranan mereka melibatkan corak pengajaran guru agama di bilik darjah dan di luar bilik darjah, secara formal dan secara tidak formal.

Berdasarkan Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran (1979) yang menyentuh tentang mutu dan pembelajaran Agama Islam di sekolah-sekolah pada masa itu tidak memuaskan, kerana kebanyakan guru agama tidak mempunyai kelayakan iktisas yang diperlukan, disamping tidak mendapat bimbingan dan penyeliaan yang sewajarnya (Perkara 129). Di awal tahun 1980 an beberapa perubahan besar telah berlaku didalam sistem pendidikan, di mana mata pelajaran Pengetahuan Agama Islam turut disemak dan disesuaikan dengan falsafah Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR).

Antara tujuan perubahan ialah untuk mengemaskinikan gaya pengajaran guru agama di sekolah rendah. Konsep pengajaran menurut kurikulum baru ini tidak lagi ditumpukan untuk memenuhi otak

murid dengan berbagai ilmu semata-mata, bahkan juga untuk "penghayatan" kerana penghayatan adalah satu manifestasi hidup yang dijemakan oleh seseorang ke dalam tingkah lakunya. Oleh yang demikian guru perlu berusaha dengan giat bagi membentuk proses kebiasaan murid di samping memberi maklumat, atau dengan kata lain, guru perlu membantu kemahiran murid di samping memberi maklumat.

Usaha membentuk kemahiran murid memerlukan strategi yang khusus. Usaha membentuk kemahiran murid terhadap kasih sayang Allah misalnya (yang merupakan satu aspek penting Aqidah) perlu menggunakan pendekatan yang sepadu. Strateginya ialah percubaan menarik minat murid melalui dorongan supaya murid suka mengkaji sesuatu objek di samping membina kemahiran berfikir. Selain mendorong serta membina kemahiran berfikir, guru juga perlu menggerakkan motivasi dalaman murid supaya suka menggunakan pengalaman yang dilihat dan dirasainya untuk berfikir dan memanfaatkan objek tersebut serta bersikap prihatin terhadapnya. Keadaan ini boleh menimbulkan kesedaran untuk memelihara ni'mat Allah s.w.t.

Untuk membina satu suasana pengajaran dan pembelajaran seperti di atas, guru agama perlu mahir dan bijak memilih

egi pengajaran (kaedah, ~~pendekatan~~ dan teknik) yang betul n berpandukan realiti kehidupan murid serta menyedari dan ami "tidak ada satu penujuan, kaedah dan teknik mengajar terbaik yang sesuai untuk semua situasi, keadaan murid dan aran yang hendak diajar (Isahak Haron, 1992:11).

Dalam hal ini Ibnu Khaldun menyakini bahawa kewujudan ajaran yang baik berdasarkan kewujudan teknik pengajaran yang Teknik pengajaran yang baik memberikan natijah-natijah yang seperti juga ia membantu meningkatkan tempoh ajaran. (Abdullah Al Amin 1994:169).

Selain menggunakan strategi pengajaran yang betul, guru a juga perlu kreatif. Dalam usaha mempelbagaikan strategi ajaran, mereka perlu menggunakan pendekatan yang sesuai an keadaan murid serta memiliki ilmu dan kemahiran yang a mendalam. Sifat terikat dengan satu kaedah tertentu dalam ajaran seperti guru menaruh kepercayaan bahawa kaedah yang ai untuk mengajar Asuhan Tilawah Al Quran ialah "latih tubi" ja boleh membosankan murid. Maka, apabila kaedah ini sering nakan, boleh mendatangkan kesan negatif ke atas murid yang ai. Oleh itu, semasa guru mengajar Al Quran guru mesti elbagaikan kaedah bersesuaian dengan pelbagai peringkat lehan murid-muridnya.

Melalui kajian ini, pengkaji ingin melihat proses pengajaran Aqidah (tahap dua) di sekolah rendah, sama ada guru agama menggunakan strategi pengajaran yang dapat menggerakkan motivasi dalaman murid untuk belajar, strategi membantu murid untuk berfikir atau pun tidak. Pengkaji telah membuat satu tinjauan singkat ke sekolah untuk melihat gaya pengajaran guru agama di bilik darjah. Pengkaji juga telah "menemubual" tiga orang guru agama untuk mendapatkan pendapat dan pandangan mereka tentang strategi pengajaran dan pembelajaran agama.

Hasil daripada tinjauan tersebut, pengkaji mendapati bahawa guru-guru agama kerap menggunakan strategi yang "mudah dan hambar". Mengikut satu kajian oleh Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (1989:7) "kebanyakan guru-guru yang mengajar kelas-kelas KBSR mengikut strategi yang telah digunakan dalam KLSR. Dapatan tinjauan telah membuktikan guru Pendidikan Agama Islam gemar menggunakan kaedah syarahan semasa mengajar Aqidah. Murid tidak memainkan peranan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran tersebut. Situasi pengajaran dan pembelajaran yang seperti memnbuatkan murid berada dalam keadaan yang pasif, tidak menyeronokkan dan membosankan, kesannya juga otak mereka tidak aktif tidak kreatif dan kritis. Malahan pengajaran yang berbentuk komunikasi sehala ini adalah bertentangan prinsip dan gaya pengajaran KBSR yang menetapkan pengajaran mestilah merangkumi strategi pemusatan guru, pemusatan murid dan juga bahan.

Penggunaan kaedah syarahan diragui berkemampuan untuk membangkitkan dan menggerakkan motivasi dalaman murid untuk belajar dan terus menerokai ilmu. Murid mungkin menjadi kurang berminat terhadap cara dan gaya pengajaran guru, dan seterusnya tidak memahami pelajaran serta tidak dapat menghayati dan mengamalkan isi kandungan pelajaran Aqidah. Keadaan ini juga jika dibiarkan berterusan akan menggagalkan matlamat pendidikan negara.

Memandangkan betapa pentingnya mencari kaedah yang berkesan untuk mengajar pelajaran tersebut, pengkaji tertarik dengan cadangan pihak perancang Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) yang telah mencadangkan Pendekatan " Gabungjalin" sebagai satu teknik pengajaran yang berkesan untuk mencapai objektif tertentu bagi sesuatu mata pelajaran (Kementerian Pendidikan Malaysia ,1990:2) termasuk pelajaran Aqidah.

Oleh kerana itu, kajian ini dibuat supaya pengkaji boleh mendapatkan maklumat tentang sejauh manakah guru-guru agama telah menggunakan pendekatan ini sebagai teknik pengajaran dan pembelajaran Aqidah (Tahap dua) sekolah rendah. Pengkaji juga ingin mendapatkan buah fikiran dan pandangan secara menyeluruh

daripada guru - guru agama tentang kelebihan dan kekurangan pendekatan ini apabila ia dilaksanakan sebagai satu pendekatan pengajaran Aqidah (tahap dua).

"Penggabungjalinan" bukanlah satu perkara baru di dalam sejarah Pendidikan Islam. Kaedah ini telah diamalkan dan dipraktikkan oleh ulama'-ulama' Islam semenjak zaman Rasulullah s.a.w (Abd.Raof Dalip,1990:37). Penggabungjalinan merupakan proses pengajaran atau teknik penyampaian beberapa kemahiran serentak dalam satu pengajaran. Penggabungjalinan boleh wujud dalam satu-satu proses pengajaran secara terancang atau spontan.

Dalam matapelajaran Pendidikan Islam, bidang ilmunya di bahagi kepada beberapa bahagian, iaitu Ilmu Kalam(Tauhid,Aqidah) Fekah,Tasawuf,Mantiq,Faraaid dan lain-lain lagi,namun ia tidak bermakna bahawa ilmu boleh diajar secara terpisah-pisah tanpa mengaitkan satu dengan lain, kerana memisahkan ilmu boleh mendatangkan pandangan yang salah terhadap konsep ilmu Islam. Konsep ilmu menurut Islam, tidak boleh dipandang dari sudut yang sempit.

Hakikat ilmu pada pandangan Islam adalah merupakan satu pendidikan yang "sepadu" (Integrated Knowledge).Sesungguhnya kesepaduan ilmu yang dimiliki oleh umat Islam di zaman

kecemerlangan Islam dahulu merupakan kunci kecemerlangan tamadun Islam .Maka unsur "kesepaduan ilmu" perlu dihidupkan semula sebagai tradisi menuntut ilmu di dalam Islam masa kini.

Latarbelakang Masalah

Pengertian Pendidikan Islam dan Matlamatnya.

Secara umumnya pendidikan ditakrifkan sebagai "process by which behavioral changes take place in an individual as a result of experiences which he has undergone". Pendidikan bukan hanya bererti penguasaan ilmu (knowledge) atau kemahiran (skills) tetapi juga mencakupi pengalaman-pengalaman yang didapati di luar institusi formal.(Mohd Kamal Hassan.1988;49).

Pengertian Pendidikan Islam ialah pengetahuan dan kemahiran yang bersangkutan paut dengan ilmu-ilmu naqli (Ulum Naqliah) yang intinya sebenarnya dapat dinyatakan dengan Aqidah, Syariah dan Akhlak. Kalau diterjemahkan ke dalam disiplin ilmu, maka berturut-turut dibahaskan dalam ilmu-ilmu Tauhid, Fekah dan Akhlak (Abd.Raof Dalip,1993:164).

Sayyid Sabiq di dalam bukunya Islamuna (tanpa tarikh) telah mentakrifkan pendidikan Islam sebagai:

"Proses memelihara kanak-kanak dari segi tubuh badan, akal dan rohani, hingga menjadi anggota masyarakat yang berguna bagi dirinya dan umatnya."

Imam Abu Hanifah pula menghuraikan Pendidikan Islam itu sebagai:

".....understanding of what makes or mars at soul; and learning something without putting it into practice is meaningless. One should therefore know how to distinguish between right and wrong in regard to both this world and hereafter, and should choose the right conduct, so that his misguided intellect may not lead him astray, and consequently Allah's wrath may fall on him".

(Mansoor A. Quraishi, 1970:3)

Muhammad Athiyah Al Ibrasyi (1959) mentakrifkan pendidikan sebagai:

"Proses persediaan individu untuk mencapai kehidupan yang sempurna dan bahagia, membentuk akhlak yang mulia di samping melahirkan rasa cinta kepada bangsa dan negara serta membentuk ketahanan jiwa. Selain dari itu, pendidikan juga adalah sebagai satu proses untuk melahirkan individu yang bernas, mahir dalam sesuatu bidang pekerjaan serta baik tingkah lakunya."

Professor Khurshid Ahmad (1978:3) mendefinasikan Pendidikan Islam sebagai proses mendidik dan melatih akal, jasmani, rohani dan emosi manusia berasaskan sumber wahyu, Al Quran dan As Sunnah, pengalaman Salaf Al Salih serta ilmuan muktabar untuk melahirkan insan yang mampu memikul tanggungjawab sebagai khalifah Allah untuk mengimarahkan alam ini, untuk kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.

Istilah pendidikan yang digunakan di dalam Bahasa Arab ialah ta'lim, tarbiyyah dan ta'dib (Al-Naquiib, 1978:142). Setiap perkataan ini mempunyai makna yang tersendiri dan mempunyai hubungan rapat antara satu sama lain.

Istilah "tarbiyyah" yang berasal dari perkataan "Rabba" yang bererti mengasuh, memelihara atau memimpin. Begitu juga dapat diertikan sebagai memilik, mentadbir, menguasai dan memperbaiki selain daripada erti memimpin atau mendidik (Al Marbawi 1954;21) ditafsirkan sebagai satu proses dari segi "human personalitynya" yang didekatkan dari satu tahap hingga ke tahap kesempurnaan, matlamat akhirnya ialah pembentukan "Insanul-Kamil".

Istilah "ta'lim" ditafsirkan sebagai satu proses pemindahan ilmu kepada manusia. Melalui proses tersebut, manusia melaksanakan tugasnya di atas muka bumi ini dengan baik di samping berupaya memperlihatkan sifat-sifat mulia dalam setiap tindak tanduknya.

Manakala istilah "ta'dib" pula memberi erti mendidik atau mengajar adab atau membentuk akhlak (Luis Ma'luf, 1972;2). Istilah Ta'dib dari segi terminologinya memberi makna , bahawa dalam proses mendidik atau membentuk, dimana seorang individu terdidik yang mempunyai kemampuan dalam

memperkembangkan segala potensi ke arah pembentukan peribadi. sikap dan watak yang selaras dengan Sibghah atau pembentukan yang diredhai oleh Allah s.w.t.

Atau dengan lain perkataan, ta'dib itu boleh ditafsirkan sebagai satu proses mendidik. Manusia yang terdidik akan mampu memperkembangkan bakat yang ada pada dirinya menurut apa yang diredhai oleh Allah s.w.t.

Daripada ketiga-tiga istilah ini, istilah yang paling kerap digunakan untuk tujuan maksud pendidikan ialah "Ta'dib". Perkataan ini amat sesuai digunakan untuk pendidikan (Al Attas, 1990) kerana istilah ini merangkumi maksud yang terkandung di dalam istilah ta'lim dan juga istilah tarbi'iyah. Semua istilah yang diberikan sama ada ta'dib, ta'lim dan tarbi'iyah mempunyai hubungan yang rapat dengan konsep ilmu di dalam Islam.

Menurut Konfrensi Sedunia Mengenai Pendidikan Islam Yang Pertama pada tahun 1977, definasi Pendidikan Islam diberikan seperti berikut:

".....the meaning of education in its totality in the context of Islam is inherent in the connotation of the terms tarbiyyah, ta'lim and ta'dib taken together . What each of these terms conveys concerning man and his society and environment in relation to God is relate to the others, and together they represent the scope of education in Islam, both formal and non formal....."

(Sumber:Reconmmendation ,First World Conference Of Muslim Education, Mecca, 1977).

Ini bermakna, pendidikan mestilah bertujuan untuk mencapai pertumbuhan yang berimbang terhadap keseluruhan sahaja manusia melalui proses pengisian rohani, intelek diri, perasaan dan indera jasmani dengan secara rasional. Dari itu para pendidik hendaklah berusaha bagi memperkembangkan manusia di dalam semua aspek yang telah disebutkan tadi di samping menggerakkannya ke arah kebaikan dan mencapai kesempurnaan.

Al Farabi (874M) telah menyatakan bahawa tujuan Pendidikan Islam ialah:

".....tujuan Pendidik Islam adalah untuk mendekatkan diri kepada Allah dan bukan untuk mengejar pangkat atau bermegah-megah. Oleh itu seseorang pelajar tidak boleh belajar dengan niat untuk mencari pangkat dan harta atau untuk menipu orang yang bodoh atau untuk bermegah-megah dengan ilmu terhadap kawan-kawan. Oleh itu pendidikan tidak dapat tidak mesti berasas kepada pendidikan akhlak".

(Mohd Athiyah, 1974:5).

Secara am, matlamat Pendidikan Islam ialah untuk melahirkan "insan soleh" yang beriman, berilmu, beramal dan berakhlak mulia. Ini bermakna bahawa menangani Pendidikan Islam bukan sekadar menyampaikan maklumat atau pengetahuan semata-mata, malah menekankan tentang penghayatan dan amalan dalam kehidupan harian.

Falsafah Pendidikan Islam KBSM di negara kita menekankan pendidikan yang berterusan untuk menyampaikan ilmu kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan Al Quran dan Al Sunnah. Penekanan ini dibuat untuk membentuk sikap individu muslim di negara ini agar menjadi orang yang memiliki ilmu pengetahuan yang luas, mempunyai kemahiran yang cukup dalam sesuatu bidang yang diceburinya, di samping mempunyai keperibadian yang tinggi serta pandangan yang luas selaras dengan kedudukannya sebagai hamba Allah yang diberi tanggungjawab untuk menguruskan diri sendiri, masyarakat, alam sekitar dan negara.

Dengan adanya penentuan falsafah ini, hasrat untuk mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan di akhirat yang menjadi cita-cita hidup muslim itu diharap akan tercapai. Penekanan dan matlamat Pendidikan Islam adalah selaras dengan tuntutan Al Quran dan Al Sunnah. Firman Allah:

".....dan sesiapa yang mengerjakan perbuatan baik, sama ada lelaki atau wanita, sekiranya dia beriman, nescaya Kami akan berikan kepadanya kehidupan yang baik:..

(Terjemahan Al Quran Surah Al Nahl:97).

Falsafah Pendidikan Islam KBSM juga mempunyai unsur-unsur kepentingan untuk melahirkan anggota masyarakat dan warga

negara yang mempunyai ilmu yang luas, berakhlak mulia dan bertanggungjawab terhadap Allah dan diri sendiri, keluarga masyarakat dan negara. Firman Allah ;

".....sebenarnya yang menaruh bimbang dan takut (melanggar perintah)Allah dari kalangan hambaNya hanyalah orang-orang yang berilmu. Sesungguhnya Allah Maha Berkuasa lagi Maha Pengampun"

(Terjemahan Al Quran, Surah Fatir,35:28).

Falsafah Pendidikan Islam KBSM di negara kita juga bertujuan untuk melahirkan anggota masyarakat yang mempunyai akhlak mulia, dapat mengawal emosi dan perasaan serta dapat mengenali diri sendiri, memahami keadilan, kebenaran, kemuliaan, keindahan dan kasih sayang sesama makhluk Allah. Firman Allah s.w.t yang bermaksud:

".....orang yang beriman kepada Allah dan hari penghabisan, sentiasa menyuruh kepada yang ma'ruf dan mencegah dari yang mungkar serta bersegera untuk (mengerjakan) pelbagai kebaikan, mereka itu termasuk dalam golongan orang-orang yang soleh".

(Terjemahan Al Quran, Surah Al Imran;114)

Falsafah Pendidikan Islam KBSM di negara kita juga menekankan pengembangan bakat intelektual secara bebas dan demokrasi berlandaskan bimbingan wahyu di samping mengembangkan bakat yang ada pada seseorang. Antara yang ditekankan ialah

aspek Ketuhanan. Penekanan ini dibuat melalui pengamatan pancaindera terhadap alam dan diri sendiri di samping penjelasan wahyu.

Menurut Falsafah Islam KBSM, pendidikan merupakan satu usaha yang berterusan. Oleh itu, peringkat sekolah merupakan bahagian awal proses pendidikan. Sesuai dengan perinsip ini pengetahuan dan kemahiran yang diberi dalam rancangan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) merupakan asas-asas pengetahuan dan juga asas untuk pendidikan seumur hidup. (Abd. Rauf Dalip, 1990:38-39).

Matlamat pendidikan negara, didapati selaras dengan matlamat pendidikan Islam. Kedua-duanya menuju kepada satu nokhtah yang sama iaitu membentuk manusia yang berilmu dan juga mempunyai akhlak yang mulia. Kurikulum Baru Sekolah Rendah telah dirancang bagi mencapai matlamat ini. Salah satu perkara yang ditekankan dalam kurikulum baru ini ialah cara pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Berdasarkan penekanan dan objektif ini, pengkaji berminat untuk melihat gaya pengajaran guru agama di mana pelajaran agama amat penting untuk mencapai matlamat pendidikan negara.

Mata Pelajaran Pendidikan Agama Islam Dalam Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR).

Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) telah digubal berdasarkan perakuan-perakuan Jawatan Kuasa Kabinet Mengenai Dasar Pelajaran 1979. Antaranya Perakuan Perkara 55 yang berbunyi:

Kurikulum sekolah rendah hendaklah dikaji semula supaya pendidikan yang diberikan berkemampuan untuk memenuhi kehendak pendidikan bagi perkembangan individu yang menyeluruh yang merangkumi aspek-aspek pendidikan (membaca, menulis dan mengira) dan perkembangan bakat kanak-kanak.

Penggubalan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) merupakan penekanan kepada pendidikan asas yang matlamatnya berpusar kepada perkembangan murid secara menyeluruh. Perkembangan ini meliputi aspek-aspek intelek, rohani, jasmani, emosi, bakat, akhlak, nilai-nilai estetika dan sosial. (Kementerian Pendidikan Malaysia: KBSR: h.5).

Oleh yang demikian, perancangan KBSR ini dilakukan untuk memberikan kepada setiap murid peluang mendapatkan kemahiran, pengetahuan, nilai, sikap dan amalan-amalan yang diperlukan. KBSR juga memberikan setiap murid peluang mendapatkan galakan dan bimbingan yang seluas-luasnya untuk menguasai kemahiran-kemahiran asas yang kukuh, dan membolehkan mereka mengembangkan bakat dan minat serta daya kreativiti. (Mohd Salleh Lebar; 1992:141).

Untuk mencapai perkembangan secara menyeluruh ini, mata pelajarannya telah dibahagikan kepada tiga bidang, iaitu bidang Komunikasi, Bidang Manusia dan Alam sekitar, Bidang Perkembangan individu. Mata pelajaran Pendidikan Agama Islam dan Moral diletakkan di bawah bidang Manusia dan alam Keliling. Pelajaran-pelajaran ini juga telah diletakkan di dalam satu komponen khas iaitu kerohanian, nilai dan sikap. (Mohd Salleh Lebar, 1992:143)

Jadual 1.1

Kedudukan Mata Pelajaran Pendidikan Agama Islam
Dalam KBSR.

Bidang	Komponen	Mata Pelajaran	
		Tahap 1	Tahap 2
Komunikasi	Kemahiran Asas	*Bahasa Pengantar	Bahasa Pengantar
		*Bahasa Malaysia	Bahasa Malaysia
		*Bahasa Inggeris	Bahasa Inggeris
		Matematik	Matematik
Manusia & alam keliling.	Nilai Kerohanian & Sikap.	*Agama Islam	Agama Islam
		*Pendidikan moral	Pendidikan Moral
	Kemanusiaan dan Persekitaran.	-	Alam dan manusia
Perkembangan diri dan Individu	Kesenian dan rekreasi	Muzik	Muzik
		Pendidikan seni	Pendidikan Seni
		Pendidikan Jasmani	Pendidikan Jasmani

- *Bahasa pengantar bagi Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Kebangsaan ialah Bahasa Malaysia. Bahasa pengantar bagi sekolah Cina dan Tamil masing-masing bahasa Cina dan Tamil.
- *Semasa murid-murid Islam mengikuti pelajaran Agama Islam, murid-murid yang beragama lain adalah dikehendaki mengikuti pelajaran Pendidikan Moral.

(Sumber; PPK, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Mohd Salleh Lebar, 1992:145)

Peranan matapelajaran Pendidikan Agama Islam di dalam Kurikulum Baru (Bersepadu) Sekolah Rendah (KBSR) amat besar. Pelajaran ini berkewajipan untuk mendidik murid-murid Islam dengan kefahaman Islam yang sebenarnya atau sebagai al-Din. Murid-murid perlu dididik, dilatih dan diasuh dengan nilai-nilai kerohanian yang tinggi yang menjadi roh kepada Pendidikan Islam itu sendiri.

Mata pelajaran Pendidikan Agama Islam dalam Kurikulum Baru Sekolah Rendah, mengandungi dua bidang:

1. Bidang Asuhan Membaca Al Quran
2. Bidang Rampaian Pendidikan Agama Islam yang meliputi aspek budi pekerti, Aqidah, Ibadah, Sirah Nabawiyah dan juga Tulisan Jawi.

(PPK, Kementerian Pendidikan Malaysia; 1990:1)

Dalam bidang Asuhan Al Quran, penekanan dan tumpuan yang diberikan ialah kebolehan membaca Al Quran. Penumpuan ini bertujuan untuk membolehkan murid-murid Islam sekolah rendah menguasai kemahiran-kemahiran asas yang berkaitan dengan Al Quran seperti:

- Mengetahui huruf, baris-baris dan tanda-tanda Al Quran.
- Membaca, menghafaz surah-surah tertentu serta memahami dan menghayati pengajaran Al Quran daripada surah yang tertentu juzuk tiga puluh.

Dalam bidang Rampaian Pendidikan Agama Islam pula, tumpuan diberi untuk menanamkan keimanan yang kukuh supaya murid-murid berpegang teguh dengan Aqidah Islam, mengamalkan ibadah secara berterusan dan seterusnya membiasakan diri dengan akhlak muslim yang sebenarnya. (PPK, Kementerian Pendidikan Malaysia 1990:1)

Ini bermakna Sukatan Pelajaran Pendidikan Agama Islam, telah menggariskan objektif yang hendak dicapai daripada mata pelajaran tersebut. Semua objektif tersebut sesuai dengan hasrat dan inspirasi negara. Bagi memastikan matlamat yang dikehendaki daripada pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Agama Islam itu tercapai, guru-guru agama mestilah kreatif, bijak memilih strategi pengajaran dan inovatif dalam pengajaran mereka.

Selain itu, keberkesanan pelaksanaan mata pelajaran-mata pelajaran dalam Kurikulum Baru Sekolah Rendah (termasuk mata pelajaran Pendidikan Agama Islam) sentiasa dinilai dari masa ke semasa oleh badan-badan tertentu dan juga Kementerian Pendidikan Malaysia. Aspek-aspek yang dinilai ialah:

- * Pelaksanaan KBSR di bilik darjah.
- * Kesedian guru.
- * Kemampuan Guru Besar (Pengurus Sekolah) sebagai pengurus kurikulum.
- * Kesesuaian bahan.

Dalam Seminar Kebangsaan Penilaian Pelaksanaan KBSR pada 21 hingga 25 Mei 1990, Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Satu Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengemukakan beberapa kritikan terhadap KBSR, antaranya:

- * Pengajaran dan pembelajaran masih berpusatkan guru.
- * Guru tidak mempunyai kemahiran yang berbagai serta kurang memahami konsep pedagogi dan juga tidak tahu bagaimana hendak menyampaikan pelajaran berasaskan prinsip kesepaduan.
- * Penggabungjalinan atau kesepaduan tidak dapat dilaksanakan dalam pengajaran atas alasan kekurangan masa dan sukatan perlu dihabiskan.

Berdasarkan kritikan yang didedahkan itu, dapatlah kita menyatakan bahawa kelemahan yang terdapat pada Kurikulum Baru Sekolah Rendah itu bukanlah kerana sistemnya atau perancangannya, tetapi pelaksanaannya, atau lebih tepat lagi kita katakan kelemahan guru melaksanakan tugasnya di bilik darjah.

Pada tahun 1993, pihak Kementerian Pendidikan telah mengambil keputusan untuk mengubah nama "Kurikulum Baru Sekolah Rendah" kepada "Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah". (PPK, Kementerian Pendidikan Malaysia:h.1).

Aspek "Kesepaduan" dalam KBSR meliputi unsur-unsur baru seperti nilai murni dan bahasa merentasi kurikulum. Penyerapan nilai-nilai murni dilakukan secara menyeluruh melalui semua matapelajaran KBSR yang dikenali sebagai "nilai-nilai murni merentas kurikulum". Bagi matapelajaran Pendidikan Agama Islam, nilai-nilai murni (Islam) telah diajar secara khusus.

"Kesepaduan" dalam KBSR juga bermaksud unsur-unsur pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam kandungan KBSR digabungkan supaya wujud kesepaduan dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani (Pusat Perkembangan Kurikulum :9) bagi melahirkan insan yang seimbang seperti yang wujud di dalam sistem Pendidikan Islam.

Perubahan ini bukanlah bererti berlakunya perubahan secara menyeluruh ke atas bentuk asal Kurikulum Baru Sekolah Rendah. Perubahan ini hanyalah sekadar memberi penekanan ke atas perjalanan sistem pendidikan secara bersungguh-sungguh menurut Falsafah Pendidikan Negara (FPN), atau dengan kata lain perubahan ini adalah untuk meningkatkan lagi aktiviti pendidikan bagi mencapai dan memenuhi keperluan negara yang sedang menuju era negara perindustrian. (PPK:Kementerian Pendidikan Malaysia:3)

Jadual:1:2

STRUKTUR BARU KURIKULUM BERSEPADU SEKOLAH
RENDAH.

Bidang	Komponen	mata pelajaran	
		tahap satu	tahap dua
Komunikasi	Kemahiran asas	Bahasa Melayu Bahasa Inggeris Bahasa Cina	Bahasa Melayu Bahasa Inggeris Bahasa Cina
		Matematik	Matematik
Manusia dan Alam Keliling	Kerohanian nilai dan Sikap. Manusia dan Persekitaran.	Pendidikan Islam Pendidikan Moral	Pendidikan Islam Pendidikan Moral
			Sains Kajian Tempatan.
Perkembangan Diri dan Individu.	Kemahiran Hidup Kesenian dan Rekreasi.	Pendidikan Muzik Pendidikan Seni Pendidikan Jasma ni dan Kesihatan.	Kemahiran Hidup Pendidikan Muzik Pendidikan Seni Pendidikan Jas- mani dan Kesiha- tan.
		Kokurikulum.	

(Sumber: PPK, Kementerian Pendidikan Malaysia:14).

Mulai Disember 1994, matapelajaran Pendidikan Agama Islam telah dibahagikan kepada tiga bidang, iaitu Asuhan Al Qur'an, Asas Akhlak Islamiah dan Asas 'Ulum Al Syariyyah.

Jadual 1.3

Perubahan Pecahan Mata Pelajaran Pendidikan Agama Islam Dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah.

Pecahan Mata Pelajaran Agama Dalam Kurikulum Baru Sekolah Rendah.	Pecahan Mata Pelajaran Agama Dalam Kurikulum Bersepadu sekolah Rendah.
Asuhan Membaca Al Qur'an	Asuhan Tilawah Al Qur'an
Rampaian Pendidikan Agama Islam:	Asas 'Ulum Syariyyah:
* Budi Pekerti	* Aqidah
* Aqidah	* Ibadah
* Ibadah	* Sirah Nabawiyah
* Sirah	
	Asas Akhlak Islamiyah

(Sumber: Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia; Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam Sekolah Rendah).

Matapelajaran " Asas Akhlak Islamiyah " menekankan beberapa nilai terpuji iaitu sifat-sifat "mahmudah" yang patut dihayati dan diamalkan oleh murid dalam kehidupan harian mereka. Penambahan matapelajaran ini adalah bertujuan untuk membentuk perilaku murid Islam menjadi muslim yang bertaqwa.

Asas "Ulum Syar'iyah dalam kurikulum Bersepadu ini perlu diberi perhatian yang sewajarnya dalam pengajaran dan pembelajaran. Keadaan ini bagi menentukan semua murid secara adil mengetahui, memahami dan mengamalkan dengan betul, sedar dan terus menghayati dalam kehidupan harian mereka. Tegaknya penekanan-penekanan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam sekolah rendah struktur baru ini:

- * Menentukan aspek fardhu 'Ain dikuasai semua murid.
- * Menerapkan nilai-nilai murni/sifat-sifat "mahmudah" dalam pengajaran dan pembelajaran.
- * Menghubung kaitkan apa yang dipelajari itu di bilik darjah dengan apa yang ada di luar bilik darjah (masyarakat).
- * Merentas atau mengaitkan dengan pelajaran-pelajaran lain yang sesuai.

Di dalam perubahan bentuk baru KBSR ini, peruntukan masa yang diberikan untuk Pendidikan Agama Islam tahap 1 dan tahap dua adalah seperti berikut:

Jadual 1.4

Peruntukan Masa Pendidikan Agama Islam Bagi Seminggu
Kurikulum Baru Sekolah Rendah.

Mata Pelajaran	SK/SRK*						SRJK					
	Tahap 1			Tahap 11			Tahap 1			Tahap 11		
	1	2	3	4	5	6	1	2	3	4	5	6
Pendidikan Agama Islam/Moral	180	180	180	180	180	180	150	150	150	150	150	150

* SK : Sekolah Kebangsaan

* SRK : Sekolah Rendah Kebangsaan

* SRJK : Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan.

(Sumber: PPK, Kementerian Pendidikan Malaysia)

Dari segi peratusan peruntukan masa yang dikhaskan untuk Pendidikan Agama Islam tahap 1 di Sekolah Kebangsaan /Sekolah Rendah Kebangsaan, matapelajaran ini hanya mendapat 13.3%. Bagi lain-lain matapelajaran adalah seperti dalam jadual berikut:

A507467012

Jadual 1.4

Peratusan Masa Untuk Seminggu

Pendidikan Agama Islam Sekolah Kebangsaan/
 Sekolah Rendah Kebangsaan.
 (Tahap 1)

Mata Pelajaran	Peratusan Masa.
Bahasa dan Matematik	66.7 %
Pendidikan Seni	
Pendidikan Muzik	20 %
Pendidikan Jasmani dan Kesihatan	
Pilihan guru Besar dan Perhimpunan	
Pendidikan Islam/Moral	13.3 %

Sementara peruntukan masa untuk Pendidikan Agama Islam tahap 2 di Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Kebangsaan adalah seperti jadual yang berikut:

Rajah 1.6

Peruntukan Masa Untuk Seminggu

Pendidikan Agama Islam Tahap 2 Sekolah Kebangsaan/
Sekolah Rendah Kebangsaan.

Mata Pelajaran.	Peratusan Masa
Bahasa, Matematik	50 %
Pendidikan Seni Pendidikan Muzik Pendidikan Jasmani dan Kesihatan Pilihan Guru Besar	20.0 %
Pendidikan Islam/Moral, sains Kajian Tempatan.	11.1 %

Jika diamati dan dianalisis, memanglah tidak terdapat keseimbangan di antara peruntukan masa yang diberikan untuk Pendidikan Agama Islam, kerana pecahan mata pelajaran ini terbahagi kepada lima mata pelajaran utama, iaitu Asuhan Tilawah

Al Quran, Ibadah (Fekah), Aqidah (Tauhid), Sirah Nabawiyah dan Asas Akhlak Islamiah. Namun demikian, perkara yang penting dalam struktur baru KBSR ini, bukanlah tertumpu kepada peratusan masa, tetapi unsur "kesepaduan" itu mestilah dilaksanakan dengan strategi yang betul dan bersungguh-sungguh.

Jika dilihat kepada Sukatan Pelajaran pula, ianya terlalu luas serta banyak kemahiran yang hendak disampaikan kepada murid-murid. Kita hendaklah sedar bahawa semua matapelajaran yang terkandung dalam Pendidikan Agama Islam itu adalah penting. Tetapi dalam bentuk baru KBSR pelajaran Asuhan Tilawah Al Quran diberi peruntukan masa yang lebih dengan tujuan untuk mendekatkan generasi yang akan datang dengan Al Quran serta beriman dan beramal dengan pengajaran Al Quran.

Perancang kurikulum telah mencadangkan kepada guru-guru agama supaya mengagihkan masa untuk pelajaran Pendidikan Islam dalam seminggu adalah seperti berikut:

Jadual 1.7

Agihan Masa Untuk Mata Pelajaran Pendidikan Agama Islam
Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah, Seminggu.

Matapelajaran	Nisbah Masa
Asuhan Tilawah Al Quran	Dua Masa
Asas Ulum As Syar'iyah	Dua Masa
Amali	Satu Masa
Tulisan Jawi	Satu Masa

Berdasarkan pembahagian masa untuk mata pelajaran Pendidikan Islam KBSR, kita dapati guru-guru agama berhadapan dengan lima pecahan utama matapelajaran Pendidikan Agama Islam di samping amali dan juga Tulisan Jawi. Pengkaji berpendapat peruntukan masa yang munasabah mestilah diberikan untuk mata pelajaran ini memandangkan peranannya dan kepentingannya untuk membentuk manusia yang seimbang seperti yang tersurat di dalam Falsafah Pendidikan Negara (FPN).

Untuk mengatasi masalah pecahan matapelajaran yang banyak tetapi peruntukan masa yang sedikit, pendekatan dan penekanan gaya pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Agama Islam mestilah

menggunakan pendekatan agama merentas kurikulum atau mengaitkannya dengan pelajaran-pelajaran lain yang sesuai dengan matapelajaran Pendidikan Agama Islam.

Namun demikian , gaya pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Agama Islam masih berbentuk teknik mengajar tradisional. Kebanyakan guru Pendidikan Islam masih menyampaikan pengajarannya dengan memberi syarahan, ceramah atau kuliah. Teknik ini kurang dapat merangsang murid untuk berfikir, merenung dan memerhati. Sepatutnya guru harus berusaha mempertingkatkan potensi berfikir murid dengan menggunakan reason dalam matapelajaran Aqidah dan lain-lain. (Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan ,Kuala Lumpur:1995).

Pelajaran Aqidah Dalam Asas 'Ulum As Syar'iyah Tahap 2 KBSR.

Ibnu Khaldun berpendapat Ilmu Kalam (Aqidah) merupakan ilmu yang merangkumi pertahanan aqidah Islam dalam dalil-dalil mantik dan menolak pandangan-pandangan golongan-golongan penyeleweng dan murtad. (Abdullah Al Amin:1994:138)

Pelajaran Aqidah menurut Kurikulum Baru Sekolah Rendah perlu diajar kepada murid Islam supaya mereka mempunyai kefahaman dan keyakinan yang betul tentang Rukun Iman. Isi kandungan pelajaran ini pada tahap dua meliputi hal-hal yang berkaitan dengan beriman kepada Allah s.w.t dan perkara-perkara yang berkaitan dengan konsep dosa dan pahala dan juga Syurga dan Neraka. (BPI, Kementerian Pendidikan Malaysia;1990:2-3)

Pendidikan Aqidah wajib dipelajari oleh setiap murid Islam kerana kekuatan dan keupayaan umat adalah dibina atas asas Aqidah Tauhid dan keilmuan Islam serta penjernihan jiwa melalui disiplin kerohanian Islam. Pelajaran Aqidah dapat memandu manusia mengenali Tuhannya, dirinya dan juga alamnya. Selain itu, pelajaran ini juga dapat membentuk personaliti muslim yang baik. Inilah matlamat pendidikan kita yang tersurat dan tersirat dalam Falsafah Pendidikan Negara. Tetapi persoalannya adakah pengajaran Aqidah di sekolah dapat membantu mencapai objektif ini?

Pelajaran Aqidah berkait rapat dengan kefahaman tentang konsep-konsep Sami'iyat yang amat sukar disampaikan kepada murid dalam pengajaran. Oleh itu aktiviti pengajaran yang dicadangkan sebagai panduan adalah berkisar kepada aktiviti guru seperti menerang, menyatakan, bercerita, berbincang dan menyenaraikan. (Buku Panduan Khas Pendidikan Agama Islam KBSR).

Ertinya, guru mestilah menggunakan teknik penerangan, teknik penyenaraian serta teknik bercerita secara yang menarik. Jika hendak menggunakan teknik syarahan, guru hendaklah dibantu dengan alat pandang dengar yang berkaitan serta menarik, di samping mempelbagaikan sumber atau menggunakan pendekatan Gabungjalın dalam pengajaran. Kajian ini dibuat untuk menentukan sama ada kaedah penggabungjalınan sesuai digunakan sebagai satu pendekatan yang menarik di dalam pengajaran Aqidah.

Pernyataan Masalah.

Perkara-perkara lain yang boleh menggagalkan pencapaian objektif pengajaran dan pembelajaran Aqidah ialah peruntukan masa. Pada tahap dua, masa yang diperuntukkan untuk pelajaran Aqidah hanyalah lima belas waktu sepenggal sedangkan guru agama diberi tugas untuk melahirkan insan yang bertaqwa dan beriman, berilmu dan beramal soleh dan warganegara yang berguna.

Usaha membentuk dan memperkembangkan semua potensi murid ke arah menjadikan insan yang berilmu, beriman, beramal soleh, berakhlak mulia dan bertanggungjawab bukanlah satu perkara yang mudah. Apa lagi jika berhadapan dengan masalah "Keadaan bilik darjah Agama Islam boleh diumpamakan sebagai satu bilik dimana orang yang berada di dalam ingin keluar dan yang di luar tidak berminat untuk masuk ke dalam:. Persoalannya sekarang bagaimanakah caranya untuk meningkatkan prestasi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam supaya keadaan itu berubah. Pengkaji beranggapan pendekatan gabungjalin kemahiran dan kaedah dalam pengajaran dan pembelajaran merupakan isu utama yang mesti diberi tumpuan.

Bagi memastikan lagi keberkesanan program Pendidikan Islam Sekolah Rendah, orientasi pengajaran dan pembelajaran

hendaklah dikaitkan dengan pelbagai aspek amalan dalam kehidupan harian, nilai-nilai daripada matapelajaran lain seperti Bahasa Melayu, Moral dan Kajian Tempatan hendaklah digabungjalinkan supaya wujud "kesepaduan" daripada berbagai ilmu pengetahuan. (Kementerian Pendidikan Malaysia: Sukatan Pelajaran Sekolah Rendah Pendidikan Islam: 1993). Maka kajian yang dilakukan ini adalah untuk melihat bagaimana proses pengajaran dan pembelajaran Aqidah (tahap dua) itu dilangsungkan melalui pendekatan gabungjalin.

Dengan itu, kajian ini bertujuan untuk mendapatkan jawapan bagi persoalan-persoalan yang berkaitan dengan:

- * Sejauhmanakah guru-guru agama memahami falsafah dan objektif matapelajaran Pendidikan Agama Islam KBSR dan cita-cita yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran.
- * Apakah strategi pengajaran dan pembelajaran Aqidah tahap dua yang kerap digunakan oleh guru-guru agama.
- * Sejauh manakah guru-guru agama mengetahui dan memahami konsep-konsep pedagogi terutamanya menggunakan pendekatan gabungjalin sebagai satu strategi pengajaran Aqidah (tahap dua).
- * Apakah pandangan guru agama tentang kekuatan dan kelemahan pendekatan gabungjalin sebagai satu strategi pengajaran Aqidah (tahap dua).

pentingan Kajian.

Peranan matapelajaran Pendidikan Agama Islam amat penting dalam menentukan bentuk kemajuan negara pada masa akan datang. Nilai keagamaan tidak boleh diketepikan, kerana dengan mengejar nilai kebendaan semata-mata tidak akan dapat menjamin segala kemajuan yang telah dicapai itu bertahan lama. Persoalannya, bagaimanakah kita dapat menjadikan pelajaran ini sesuatu yang digemari, dihargai dan disayangi oleh pelajar-pelajar Islam.

Pada pandangan pengkaji, sekiranya Pendidikan Islam (KBSR) berjaya disampaikan dengan cara yang menarik, sudah pasti hasrat yang tersurat dan tersirat dalam Falsafah Pendidikan Negara dan juga Falsafah Pendidikan Islam itu dapat dicapai. Keberkesanan sesuatu pengajaran dan pembelajaran berkait rapat dengan strategi pengajaran yang digunakan oleh guru.

Dapatan kajian ini amat berguna kepada pengkaji untuk melatih bakal guru agama dengan kaedah yang betul untuk mengajar pelajaran Pendidikan Islam di sekolah rendah nanti. Dapatan kajian ini juga diharapkan dapat membantu bahagian Perancang Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia membuat dasar bagi meningkatkan lagi prestasi guru-guru agama di sekolah-sekolah

rendah di negara ini, kerana guru adalah golongan yang penting untuk menentu berjaya atau tidak sesuatu sistem pendidikan, guru adalah golongan yang melaksanakan kurikulum dan di tangan gurulah juga terletaknya kejayaan atau kegagalan sesuatu dasar Pendidikan Negara. Maka kejayaan membentuk rakyat muslim yang berilmu, beriman dan beramal adalah terletak di tangan semua guru termasuk guru-guru agama.

Takrif dan Istilah.

Strategi Pengajaran

Iaitu gabungan pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran guru bagi mencapai objektif pengajaran yang telah dirancang. Strategi dianggap sebagai rancangan keseluruhan yang digunakan oleh guru sebagai panduan pengajarannya pada satu jangka masa. Strategi pengajaran sentiasa berubah bagi menghadapi berbagai keadaan dan situasi dalam masa pengajaran.

Pengajaran

Merupakan aktiviti guru yang bertujuan untuk membawa perubahan ke atas anak muridnya. Pengajaran yang baik akan mendatangkan kesan yang positif ke atas anak muridnya dan begitulah sebaliknya.

Aqidah

Satu daripada pecahan mata pelajaran Ulum al Syar'iyah KBSR . Pelajaran ini juga dikenali sebagai "Ilmu Kalam" dan juga "Ilmu Tauhid". Ilmu ini membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan Aqidah serta konsep-konsep yang berkaitan dengannya.